

Isi tempat kosong dengan kata bantu dan kata kerja yang sesuai.

|                 |                 |                |
|-----------------|-----------------|----------------|
| telah membuka   | mahu menyiapkan | akan melihat   |
| mesti disiapkan | telah meminta   | telah membantu |
| mahu menemani   | telah menemukan | telah melayari |
| mahu menyalin   |                 |                |

### Bersama-sama Melayari Internet

Amar \_\_\_\_\_ izin daripada ibunya untuk melayari internet. Ibunya \_\_\_\_\_ pintu bilik bacaan. Mereka hendak memasuki bilik bacaan itu.

Amar \_\_\_\_\_ internet. Ibunya \_\_\_\_\_ Amar dan duduk bersebelahan dengannya. Ibunya \_\_\_\_\_ laman sesawang yang dilayari oleh Amar.

Amar \_\_\_\_\_ tugas yang diberikan gurunya. Tugas itu bertajuk "Kecurian Maklumat dalam Talian". Tugas ini \_\_\_\_\_ dan dihantar dengan segera.

Ibunya pula \_\_\_\_\_ Amar mencari maksud beberapa perkataan dengan merujuk kamus. Amar \_\_\_\_\_ maklumat dalam laman sesawang bank tentang tugasannya.

Amar \_\_\_\_\_ maklumat itu sebagai rujukan tugasannya. Antara maklumat yang perlu dirahsiakan ialah nama, alamat, nombor kad pengenalan, Tarikh lahir dan nombor kad kredit.